

PROGRAM GOTONG-ROYONG MAJLIS BERBUKA PUASA SKN 340



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3552-program-gotong-royong-majlis-berbuka-puasa-skn-341

LUBOK TEMIANG, 1 Jun 18 – Program gotong-royong majlis berbuka puasa Skn 340 telah berjaya dilaksanakan di Masjid Kg. Lubok Temiang. Program ini telah disertai oleh pegawai dan anggota dari Skn 340 bersama-sama AJK Masjid Lubok Temiang serta penduduk kampung.

Tujuan program ini diadakan adalah bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara warga tentera dengan penduduk setempat. Program ini terbahagi kepada tiga peringkat iaitu gotong-royong menyiapkan juadah berbuka, majlis berbuka puasa dan solat tarawih secara berjemaah.

Pegawai Memerintah Skn 340, Lt Kol Mohd Shafriz bin Othman TUDM juga turut hadir bersama-sama dalam program ini dan telah memberikan sedikit ucapan sebelum berbuka puasa. Program ini telah berjalan dengan lancar dan jayanya.

